

**Dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur (Bahagian Sivil)**

**Guaman Sivil No.: WA-23CY-36-05/2021**

**Datuk Dr. Tang Chai Yoong & 4 Lagi -v- Chiang Hee Chieh**

**Terma-terma Permohonan Maaf Secara Terbuka**

Saya, Charles Chiang Hee Chieh yang mempunyai No. Keahlian Persatuan Hainan Selangor & Wilayah Persekutuan K13917 dan juga merupakan bekas Penolong Ketua Bahagian Pemuda Persatuan berkenaan ingin merujuk kepada Pendapat Undang-Undang bertarikh 27.8.2020 yang telah diperolehi daripada peguamcara saya Tetuan Ricky Tan & Co (“**Pendapat Undang-Undang tersebut**”).

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Pendapat Undang-Undang tersebut telah disebarluaskan dan diagihkan tanpa sebarang verifikasi, rundingan, klarifikasi dan usul periksa berhubung dengan ketepatan, kebenaran, dan konteks oleh saya bersama-sama dengan Datuk Dr. Tang Chai Yoong, Encik Foo Wah Chek, Encik Nyam Tee Aik, Encik Tan Kuan Feng dan Encik Tan Khai Foo yang merupakan ahli-ahli Majlis Agung Persatuan berkenaan.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa persalahannya di antara saya dengan mereka dapat dielakkan jika saya telah berbuat demikian sebelum Pendapat Undang-Undang tersebut disebarluaskan dan diagihkan.

Oleh sebab itu, saya dengan seikhlas hati ingin memohon maaf kepada Datuk Dr. Tang Chai Yoong, Encik Foo Wah Chek, Encik Nyam Tee Aik, Encik Tan Kuan Feng dan Encik Tan Khai Foo khususnya setakat mana bahawa saya sepatutnya melaksanakan verifikasi, rundingan, klarifikasi dan usul periksa dengan mereka sebelum mengedarkan dan mengagihkan Pendapat Undang-Undang tersebut.

Saya ingin menyatakan bahawa permohonan maaf secara terbuka ini yang dilanjutkan kepada mereka adalah berhubung dengan di atas dan bukan berhubung dengan kandungan Pendapat Undang-Undang tersebut.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa permohonan maaf saya di sini adalah atas dasar niat baik tanpa mengakui liabiliti kepada mereka di dalam kes Guaman Sivil No.: WA-23CY-36-05/2021 dan adalah hanya bertujuan untuk berdamai dengan mereka dan untuk bergerak kehadapan dengan mereka dalam perkara ini.



.....

Charles Chiang Hee Chieh

[No. Keahlian K13917]

18 Julai 2022